


TENAGA NASIONAL
Better. Brighter.





# PANDUAN TARIF ELEKTRIK






# Kandungan



01 Definisi — Ms. 1-3

02 Maklumat Am — Ms. 4-7

03 Tarif Elektrik — Ms. 8-14

04 Insentif dan Rebat — Ms. 15-18

05 Pelarasan Kos Bahan Api — Ms. 19-20

06 Caj-caj Lain — Ms. 21-23

07 Skim Tenaga Hijau — Ms. 24-27

08 Memahami Bil Elektrik Anda — Ms. 28-31

09 Saluran Pembayaran Bil — Ms. 32-34

10 Saluran Pengguna — Ms. 35-36

11 Lampiran — Ms. 37-41



# 01 Definisi

# 01 Definisi

**Definisi berikut hendaklah diguna pakai melainkan penggunaannya dijelaskan berlainan:**

| Perkataan | Maksud |
|---|---|
| **Angkadar Kuasa** | Indeks yang digunakan untuk mengukur tahap kecekapan penggunaan elektrik selaras dengan keperluan Kanun Grid Malaysia dan Kanun Pembahagian Elektrik Malaysia. |
| ***Automatic Fuel Adjustment*** | Mekanisme pelarasan kos bahan api mengikut unjuran harga pasaran bahan api, kadar pertukaran mata wang asing dan pelarasan kos sebenar penjanaan. |
| **Caj Kapasiti** | Pembayaran kapasiti di bawah *Power Purchase Agreements* (PPA) dan *Service Level Agreements* (SLA) kepada *Independent Power Producers* (IPPs) bagi memastikan bekalan elektrik sentiasa tersedia kepada pengguna. |
| **Caj Peruncitan** | Kos tetap yang meliputi kos bagi pengurusan akaun, bacaan meter, pengebilan dan kutipan pembayaran bil akaun pengguna. |
| **Caj Rangkaian** | Kos penghantaran dan pembahagian tenaga. |
| **Caj Tenaga** | Kos bahan api yang digunakan bagi penjanaan tenaga elektrik. |
| **Insentif Cekap Tenaga** | Insentif kepada pengguna domestik dan bukan domestik voltan rendah yang mengamalkan penggunaan tenaga secara berhemah. |
| ***Interval Billing Mechanism*** | Mekanisme pengebilan berdasarkan data penggunaan tenaga yang direkodkan secara berkala pada selang masa yang ditetapkan. |
| **kVARj** | Kilovar-jam. |
| **kWj** | Kilowat-jam. |
| **Pengguna** | Orang yang dibekalkan dengan elektrik atau yang premisnya pada masa ini disambungkan bagi maksud pembekalan elektrik oleh Pihak Berkuasa Bekalan atau Pemegang Lesen. |
| **Pengguna Bukan Domestik** | Pengguna yang menduduki premis selain kediaman persendirian, yang menjalankan aktiviti seperti komersial, perindustrian, perlombongan, pertanian atau lampu jalan. |

| Perkataan | Maksud |
|---|---|
| **Pengguna Domestik** | Pengguna yang menduduki premis kediaman persendirian dan tidak menjalankan sebarang bentuk aktiviti atau perkhidmatan perniagaan, perdagangan dan profesional. |
| **Penjana Bersama** | Pengguna yang mendapat lesen daripada Suruhanjaya Tenaga untuk menjana elektrik bagi kegunaan sendiri. Pengguna penjana bersama juga memerlukan bekalan elektrik daripada TNB sebagai bekalan tunggu sedia *(standby)* sekiranya terdapat senggaraan atau gangguan bekalan di sistem penjanaan bersama pengguna. |
| **Permintaan Maksimum (kW)** | Permintaan maksimum tertinggi yang direkodkan oleh meter dalam mana-mana tempoh tiga puluh minit berturutan dalam bulan tersebut. |
| ***Time of Use* (ToU)** | Kaedah pengenaan tarif mengikut waktu penggunaan tenaga elektrik pada waktu puncak dan luar puncak. |
| ***Validation, Estimation, Editing* (VEE)** | Satu kaedah pengesahan, anggaran dan penyuntingan data bacaan meter bagi memastikan ketepatan, kebolehpercayaan dan kesempurnaan data selang masa sebelum digunakan untuk tujuan pengebilan. |
| **Voltan Amat Rendah** | Voltan yang melebihi 1 volt tetapi kurang atau sama dengan 50 volt. |
| **Voltan Amat Tinggi** | Voltan yang melebihi 230,000 volt. |
| **Voltan Rendah** | Voltan yang melebihi 50 volt tetapi kurang atau sama dengan 1,000 volt. |
| **Voltan Sederhana** | Voltan yang melebihi 1,000 volt tetapi kurang atau sama dengan 50,000 volt. |
| **Voltan Tinggi** | Voltan yang melebihi 50,000 volt tetapi kurang atau sama dengan 230,000 volt. |
| **Waktu Luar Puncak** | Tempoh di antara jam 10:00 malam hingga 2:00 petang hari Isnin hingga Jumaat, sepanjang hari (24 jam) hari Sabtu, Ahad dan 15 cuti umum terpilih. 15 cuti umum terpilih ialah Tahun Baharu, Hari pertama Tahun Baharu Cina, Hari kedua Tahun Baharu Cina, Hari pertama Hari Raya Aidilfitri, Hari kedua Hari Raya Aidilfitri, Hari Pekerja, Hari Wesak, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Hari Raya Aidiladha, Awal Muharram, Hari Kemerdekaan, Hari Malaysia, Maulidur Rasul, Hari Deepavali dan Hari Krismas. |
| **Waktu Puncak** | Tempoh di antara jam 2:00 petang hingga 10:00 malam hari Isnin hingga Jumaat. |



# 02 Maklumat Am

# 02
# Maklumat Am




## 2.1 Pembekalan Elektrik

Tenaga elektrik dibekalkan mengikut peruntukan-peruntukan Akta Bekalan Elektrik 1990, Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990, Peraturan-Peraturan Elektrik 1994 serta garis panduan yang berkuat kuasa termasuk sebarang pindaan dan perubahan yang dibuat dari semasa ke semasa.

## 2.2 Voltan



Pengelasan bagi tahap voltan adalah seperti berikut:

| Tahap Voltan | Voltan |
|---|---|
| Amat Rendah | 50V dan ke bawah |
| Rendah | Melebihi 50V hingga 1kV |
| Sederhana | Melebihi 1kV hingga 50kV |
| Tinggi | Melebihi 50kV hingga 230kV |
| Amat Tinggi | Melebihi 230kV |

*Jadual 1: Pengelasan Tahap Voltan*

Bagi tujuan penetapan tarif, pengelasan tahap voltan adalah berdasarkan 3 kategori iaitu Voltan Rendah (termasuk Voltan Amat Rendah), Voltan Sederhana dan Voltan Tinggi (termasuk Voltan Amat Tinggi).

## 2.3 Akaun

(a) Semua pengguna dikehendaki membayar deposit sekuriti* yang meliputi anggaran dua bulan penggunaan elektrik. Deposit sekuriti merupakan cagaran dan bukanlah bayaran pendahuluan untuk bil elektrik. Setelah akaun ditamatkan, baki deposit sekuriti akan dipulangkan semula kepada pengguna selepas ditolak apa-apa amaun yang perlu dibayar oleh pengguna. Deposit sekuriti tidak boleh dipindah milik kepada pengguna lain. Semua deposit sekuriti tunai akan diberi rebat** tahunan oleh TNB yang dikira sama ada berdasarkan tempoh penuh setahun ataupun berdasarkan prorata sehingga ke tarikh akaun ditamatkan dan akan dikredit ke akaun pengguna.

*selaras definisi cagaran di dalam Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2025.
**selaras definisi bunga tahunan di dalam Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen (Pindaan) 2025.

(b) Sekiranya jumlah deposit sekuriti kurang daripada dua bulan caj penggunaan elektrik atau melebihi, TNB boleh memohon deposit sekuriti tambahan atau pengguna boleh memohon pemulangan lebihan deposit sekuriti.

(c) Bil elektrik hendaklah dijelaskan pada atau sebelum tarikh yang dinyatakan di dalam bil elektrik. Bekalan elektrik boleh dipotong jika bil elektrik tidak dijelaskan setelah tamat tempoh tarikh pembayaran.

(d) Surcaj akan dikenakan ke atas akaun pengguna yang membuat pembayaran bil elektrik melebihi tempoh 30 hari dari tarikh bil dikeluarkan selaras dengan Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990. Kadar surcaj adalah sebanyak 1% daripada jumlah tunggakan bil pada setiap bulan berdasarkan jumlah hari yang tertunggak dalam bulan tersebut.



## 2.4 Meter

(a) TNB akan menyediakan meter yang diperlukan untuk mengukur penggunaan tenaga elektrik.

(b) Pengguna tidak boleh mengganggu atau membenarkan sesiapa selain daripada pekerja TNB yang diberi kuasa, untuk mengendalikan peralatan dan meter TNB.

(c) Sekiranya meter TNB hilang, musnah atau rosak akibat perbuatan atau kecuaian pengguna, pengguna hendaklah menanggung sepenuhnya kos pembaikan atau penggantian meter tersebut kepada TNB.

(d) Gangguan secara sengaja ke atas mana-mana aspek sistem meter dan pembekalan TNB adalah satu kesalahan di bawah Akta Bekalan Elektrik 1990 dan membawa kepada hukuman penjara dan/atau denda.

(e) Sekiranya pengguna mengesyaki bahawa meternya tidak mengukur dengan tepat, pengguna boleh memohon supaya meter tersebut diuji oleh TNB. Bayaran ujian akan dikenakan dan bayaran ini hanya akan dipulangkan sekiranya meter berkenaan didapati tidak mematuhi ketepatan sebagaimana diperuntukkan di bawah Peraturan 12(2), Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990.




## 2.5 Kebenaran Masuk Ke Premis Pengguna

Pekerja-pekerja TNB yang diberi kuasa adalah diberi kebenaran di bawah Peraturan-Peraturan Bekalan Pemegang Lesen 1990 untuk memasuki mana-mana premis pengguna pada bila-bila masa yang berkaitan dengan bekalan elektrik, bacaan meter dan semakan pepasangan meter. Pekerja berkenaan perlu mengemukakan apa-apa dokumen yang disahkan yang menunjukkan kuasa memasuki premis.



# 03

# Tarif Elektrik



# 03 Tarif Elektrik



## 3.1 Maklumat Tarif

Struktur dan kadar tarif adalah diluluskan oleh Kerajaan selaras dengan kerangka Kawal Selia Berasaskan Insentif (*Incentive-Based Regulation*, IBR), mengikut peruntukan di bawah Seksyen 26, Akta Bekalan Elektrik 1990. Struktur dan kadar tarif dalam panduan ini adalah berkuat kuasa 1 Julai 2025.

## 3.2 Penetapan Komponen Caj

Struktur tarif elektrik meliputi penetapan komponen caj seperti berikut:

**a) Caj Penjanaan**

i) Tenaga
ii) Kapasiti

**b) Caj Rangkaian**

**c) Caj Peruncitan**

Caj peruncitan diberi pengecualian kepada pengguna tarif domestik dengan penggunaan sebulan 600 kWj dan ke bawah.

## 3.3 Zon Masa

Struktur tarif elektrik terbahagi kepada dua:

**a) Tarif Am**

Caj penggunaan tenaga elektrik dikenakan pada kadar tetap berdasarkan jumlah keseluruhan penggunaan tenaga dalam tempoh pengebilan.

**b) Tarif ToU**

Caj penggunaan tenaga elektrik dikenakan mengikut penggunaan tenaga berdasarkan zon masa puncak dan luar puncak. Kadar tarif adalah berbeza mengikut zon masa di mana kadar tarif adalah lebih tinggi pada waktu puncak berbanding kadar waktu luar puncak yang lebih rendah.

Tarif ToU memerlukan pepasangan meter jenis alatubah arus (*current transformer*, CT) atau *remote meter reading* (RMR) dan meter pintar *(smart meter)* yang telah diaktifkan *(enabled)* bagi membolehkan pengebilan melalui mekanisme *Interval Billing Mechanism* (IBM). Mekanisme ini membolehkan penggunaan tenaga elektrik direkodkan mengikut zon masa puncak dan luar puncak dengan menggunakan kaedah VEE.

Zon masa bagi kesemua tarif ToU adalah:

| Zon Masa | Tempoh Masa |
|---|---|
| Puncak | 2.00 petang hingga 10.00 malam Isnin hingga Jumaat |
| Luar Puncak | • 10.00 malam hingga 2.00 petang Isnin hingga Jumaat<br>• Sepanjang hari (24 jam) Sabtu, Ahad dan 15 cuti umum |

## ILUSTRASI ZON MASA TARIF TOU

### CONTOH HARI ISNIN - JUMAAT




**Tip Untuk Pelanggan Domestik:**
Jadualkan penggunaan peralatan elektrik berkuasa tinggi seperti penghawa dingin, mesin basuh dan seterika pada waktu luar puncak untuk penjimatan bil elektrik anda



Bagi tarif bukan domestik TES pula, zon masa adalah berbeza selaras keperluan operasi TES seperti berikut:

| Zon Masa | Tempoh Masa |
|---|---|
| Puncak | 9.00 pagi hingga 9.00 malam Isnin hingga Jumaat |
| Luar Puncak | • 9.00 malam hingga 9.00 pagi Isnin hingga Jumaat<br>• Sepanjang hari (24 jam) Sabtu, Ahad dan 15 cuti umum |

**15 cuti umum terpilih adalah Tahun Baharu, Hari pertama Tahun Baharu Cina, Hari kedua Tahun Baharu Cina, Hari pertama Hari Raya Aidilfitri, Hari kedua Hari Raya Aidilfitri, Hari Pekerja, Hari Wesak, Hari Keputeraan Yang di-Pertuan Agong, Hari Raya Aidiladha, Awal Muharram, Hari Kemerdekaan, Hari Malaysia, Maulidur Rasul, Hari Deepavali dan Hari Krismas.*

## 3.4 Kategori Tarif Umum

Kategori tarif umum adalah seperti berikut:

### a) Domestik

Tarif domestik diberikan kepada pengguna premis kediaman persendirian yang tidak menjalankan sebarang bentuk aktiviti seperti perkhidmatan perniagaan, perdagangan atau profesional. Tarif domestik ini turut merangkumi kuarters pekerja yang digunakan sebagai kediaman serta asrama pelajar dan pekerja.

### b) Bukan Domestik

Tarif bukan domestik diberikan kepada pengguna premis yang menjalankan aktiviti selain kediaman seperti aktiviti perniagaan, perindustrian dan perlombongan. Tarif bukan domestik turut merangkumi premis yang menjalankan aktiviti perkhidmatan atau kemudahan contohnya pejabat, institusi pendidikan, institusi kebajikan, rumah ibadat, *charging point operator* (CPO) bagi kenderaan elektrik *(Electric Vehicle, EV)*, dan kemudahan bersama yang diuruskan oleh *Joint Management Body* (JMB).

Selain itu, bagi kategori bukan domestik terdapat tarif bukan domestik khusus mengikut aktiviti di premis seperti berikut:

#### i) Pertanian Spesifik



Tarif bukan domestik pertanian spesifik diberikan kepada pengguna yang menjalankan aktiviti pertanian dan penternakan mengikut kategori tahap voltan iaitu voltan rendah dan voltan sederhana. Contoh aktiviti pertanian dan penternakan adalah seperti:

- Penternakan iaitu pembiakan, penetasan ayam dan itik, penternakan lembu dan tenusu serta lain-lain jenis ternakan.
- Akuakultur iaitu penternakan atau pemeliharaan hidupan laut haiwan dan tumbuhan seperti penternakan udang, penternakan ikan hiasan, penternakan lintah dan penternakan katak.
- Hortikultur iaitu penanaman sayur-sayuran, buah-buahan dan bunga-bungaan termasuk pertanian bandar (urban farming).
- Akuaponik ialah sistem pertanian bersepadu yang menggabungkan dua kaedah iaitu Akuakultur dan Hidroponik (menanam tanaman dalam air tanpa tanah) dalam satu ekosistem.
- Pengepaman air untuk pengairan dan pengawalan kekunci air untuk pengeluaran bijirin seperti padi.

#### ii) Operator Air dan Pembetungan



Tarif bukan domestik operator air dan pembetungan diberikan kepada pengguna yang menjalankan operasi merawat air mentah dan/atau mengagihkan air tersebut untuk kegunaan domestik dan bukan domestik, serta menjalankan aktiviti perkhidmatan dan pembetungan seperti merawat sisa kumbahan mengikut kategori tahap voltan iaitu voltan rendah, voltan sederhana dan voltan tinggi.

Kelayakan tarif bukan domestik operator air dan pembetungan adalah bagi operator air dan operator pembetungan yang berdaftar dan disahkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN). Kelayakan tarif ini merangkumi semua aktiviti premis kecuali aktiviti domestik dan lampu jalan.

## iii) Lampu Jalan



Tarif lampu jalan diberikan bagi penggunaan tenaga elektrik untuk pencahayaan lampu yang bertujuan untuk kegunaan awam, khususnya lampu di luar bangunan yang beroperasi pada waktu malam. Tarif lampu jalan juga termasuk bagi pepasangan seperti:

- Lampu neon dan lampu limpah yang bertujuan menerangi papan-papan iklan, papan tanda, perhentian bas, jambatan, pondok telefon serta lampu-lampu hiasan yang menerangi jalan raya atau bangunan yang tidak berkongsi meter dengan pepasangan di bangunan.
- Lampu jalan di lebuh raya bertol atau tidak bertol yang bertujuan bagi kegunaan sistem pencahayaan yang dipasang di sepanjang laluan lebuh raya.
- Lampu isyarat, lampu terowong atau lampu jejantas untuk kegunaan awam.

Tarif lampu jalan terbahagi kepada kategori yang termasuk penyelenggaraan dan tidak termasuk penyelenggaraan:

- Tarif lampu jalan termasuk penyelenggaraan diberikan kepada lampu jalan raya dengan pepasangan *standard* di tiang sedia ada TNB dan diselenggara oleh TNB.
- Tarif lampu jalan tidak termasuk penyelenggaraan diberikan kepada lampu jalan raya dengan pepasangan *non standard* (bukan dipasang di tiang TNB) yang dimiliki oleh Pihak Berkuasa Tempatan, Majlis Perbandaran, Majlis Daerah atau Jabatan Kerja Raya dan tidak diselenggara oleh TNB.

Selain itu, terdapat kategori lampu jalan tanpa meter yang dipasang seperti berikut:

| | |
|---|---|
| **Lampu Jalan Individu** | • Lampu jalan individu ditawarkan kepada pengguna domestik dan pengguna bukan domestik yang bertujuan untuk kegunaan awam seperti rumah ibadat, dewan kegunaan orang ramai dan tanah perkuburan.<br>• Pemasangan lampu jalan hendaklah dihalakan ke arah jalan bagi tujuan menerangi laluan untuk kegunaan orang awam. |
| **Lampu Halaman Individu** | • Lampu halaman individu ditawarkan kepada pengguna domestik sebagai opsyen selain lampu jalan individu. Pemasangan lampu halaman individu bertujuan untuk menerangi jalan masuk dan kawasan halaman premis bagi meningkatkan tahap keselamatan dan keselesaan pengguna domestik. |

Kadar untuk setiap mentol bagi lampu jalan individu dan lampu halaman individu ditetapkan pada RM11.00 sebulan.

## 3.5 Kategori Tarif Spesifik

Kategori tarif spesifik diberikan kepada pengguna bukan domestik yang menjalankan aktiviti spesifik seperti berikut:

### a) Penjanaan Bersama *(Co-Generator)*

Tarif bukan domestik penjanaan bersama *(Co-generator)* diberikan kepada pengguna penjana bersama yang mendapat lesen daripada Suruhanjaya Tenaga untuk menjana elektrik bagi kegunaan sendiri mengikut kategori tahap voltan iaitu voltan sederhana dan voltan tinggi.

Pengguna dengan tarif ini akan dicaj permintaan maksimum pada kadar *Standby* selain komponen tarif mengikut kategori tarif.



### b) *Traction*

Tarif bukan domestik *traction* diberikan kepada pengguna yang menjalankan operasi pengangkutan berlandasan untuk kegunaan awam seperti KTMB, MRT, LRT, ERL dan ECRL mengikut kategori tahap voltan iaitu voltan sederhana dan voltan tinggi.

### c) Pukal

Tarif bukan domestik pukal diberikan kepada pengguna yang memiliki Lesen Awam Pengagihan daripada Suruhanjaya Tenaga untuk menjalankan operasi pengagihan bekalan elektrik kepada pengguna dalam kawasan pengagihan yang diluluskan di bawah lesen tersebut dengan kapasiti tertentu. Pengguna dengan Lesen Awam Pengagihan ini mengambil bekalan secara pukal daripada TNB mengikut kategori tahap voltan iaitu voltan sederhana dan voltan tinggi.

## ⓓ *Thermal Energy Storage* (TES)



Tarif bukan domestik TES diberikan kepada pengguna yang mengendalikan operasi loji sistem TES atau *District Cooling System* (DCS) dengan tahap voltan sederhana. DCS merupakan sistem penyejukan berskala besar yang menghasilkan ais atau air sejuk *(chilled water)* pada waktu luar puncak, dan seterusnya mengagih serta membekalkannya kepada bangunan atau premis pada waktu siang.

## ⓔ *Backfeed*



Tarif bukan domestik *backfeed* diberikan kepada pengguna yang menggunakan tenaga yang dibekalkan oleh grid TNB seperti loji penjanaan tenaga yang menggunakan kemudahan sambungan yang sama bagi tujuan import dan eksport mengikut kategori tahap voltan iaitu voltan sederhana dan voltan tinggi. Pengguna tarif *backfeed* adalah pengguna loji janakuasa (tetapi tidak terhad kepada sumber bahan api fosil dan tenaga boleh baharu) yang bersambung ke sistem rangkaian TNB.

## ⓕ Voltan Tinggi Ultra



Tarif bukan domestik voltan tinggi ultra (UHV) diberikan kepada pengguna pusat data yang mengambil bekalan pada tahap voltan tinggi. Pengguna pusat data adalah pengguna yang mengendalikan operasi suatu bangunan fasiliti yang digunakan untuk menempatkan peralatan dan infrastruktur IT secara berpusat bagi tujuan mengurus data seperti menyimpan, mengumpul, memproses dan/atau mengagih data bagi sesuatu organisasi atau syarikat.



04

# Insentif dan Rebat



# 04 Insentif dan Rebat

## 4.1 Insentif Cekap Tenaga

Insentif cekap tenaga diperkenalkan sebagai galakan kepada pengguna domestik dan bukan domestik voltan rendah yang mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah.

Pengiraan Insentif Cekap Tenaga adalah seperti berikut:

**Insentif Cekap Tenaga (RM) = Penggunaan Sebulan (kWj) x Kadar**



Kadar Insentif Cekap Tenaga adalah seperti di bawah:

### a) Dosmetik

| Penggunaan (kWj) | Insentif Cekap Tenaga (sen/kWj) |
|---|---|
| 0 - 200 | -25.00 |
| 201 - 250 | -24.50 |
| 251 - 300 | -22.50 |
| 301 - 350 | -21.00 |
| 351 - 400 | -17.00 |
| 401 - 450 | -14.50 |
| 451 - 500 | -12.00 |
| 501 - 550 | -10.50 |
| 551 - 600 | -9.00 |
| 601 - 650 | -7.50 |
| 651 - 700 | -5.50 |
| 701 - 750 | -4.50 |
| 751 - 800 | -4.00 |
| 801 - 850 | -2.50 |
| 851 - 900 | -1.00 |
| 901 - 1,000 | -0.50 |

*Jadual 2: Kadar Insentif Cekap Tenaga Pengguna Domestik*

### b) Bukan Domestik Voltan Rendah

| Penggunaan (kWj) | Insentif Cekap Tenaga (sen/kWj) |
|---|---|
| 0 - 200 | -11.00 |

*Jadual 3: Kadar Insentif Cekap Tenaga Pengguna Bukan Domestik Voltan Rendah*



## 4.2 Rebat Lampu Jalan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT)

Rebat lampu jalan diberikan kepada akaun lampu jalan yang berdaftar di bawah PBT bagi setiap unit penggunaan sebulan.

Kadar rebat lampu jalan adalah seperti berikut:

| Kategori Pengguna | Rebat (sen/kWj) |
|---|---|
| Lampu Jalan PBT | -11.00 |

*Jadual 4: Kadar Rebat Bagi Pengguna Lampu Jalan PBT*

## 4.3 Rebat 10% bagi Institusi Kebajikan, Institusi Pendidikan, Rumah Ibadat dan Fasiliti Kesihatan

Rebat 10% daripada jumlah bil diberikan kepada institusi sosial dan fasiliti kesihatan yang layak, memenuhi kriteria yang ditetapkan serta berdaftar dengan Kerajaan dan badan pengawal selia masing-masing seperti berikut:

**a) Institusi Kebajikan**
Institusi kebajikan seperti rumah anak yatim, rumah orang tua, rumah untuk golongan buta dan orang kurang upaya serta pusat spastik yang dibiayai sepenuhnya oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau dibiayai melalui sumbangan awam.

**b) Institusi Pendidikan**
Semua institusi pendidikan kerajaan dan swasta yang dibiayai sepenuhnya atau sebahagiannya oleh Kerajaan.

**c) Rumah Ibadat**
Rumah ibadat yang berdaftar di bawah Pendaftar Pertubuhan atau badan agama rasmi seperti Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri/Persekutuan, Persatuan Buddha Malaysia, Malaysia Hindu Sangam, Sikh Naujawan Sabha, Buku Panduan Katolik dan Buku Panduan Gereja Malaysia dan Brunei.

**d) Fasiliti Kesihatan**
Dimiliki dan dikendalikan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) yang menyediakan perkhidmatan kesihatan secara langsung kepada rakyat seperti hospital, klinik dan farmasi.



## 4.4 Program Rebat Bil Elektrik RM40

Program Rebat Bil Elektrik RM40 adalah satu program bantuan bersasar oleh Kerajaan untuk membiayai bil elektrik bulanan sehingga RM40.00 kepada golongan miskin tegar yang berdaftar dalam sistem eKasih.

Pendapatan bagi kategori Miskin Tegar adalah berdasarkan Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK) setiap isi rumah yang ditetapkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM).



## 4.5 Insentif Sinaran Merdeka

Insentif ini ditawarkan kepada pengguna yang menjalankan aktiviti komersial seperti bangunan pejabat, pencakar langit, kompleks komersial, pusat beli-belah, hotel dan stesen minyak sempena sambutan hari Kemerdekaan.

Pengiraan insentif adalah berdasarkan peningkatan penggunaan elektrik pada bulan Ogos dan September berbanding purata penggunaan 3 bulan iaitu bulan Mei, Jun dan Julai pada tahun yang sama. Kadar insentif sinaran merdeka adalah seperti berikut:

| Tahap Voltan | Kategori Tarif | Kadar Insentif |
|---|---|---|
| **Voltan Rendah** | Bukan Domestik Voltan Rendah Am<br>Bukan Domestik Voltan Rendah ToU | -28.91 sen/kWj |
| **Voltan Sederhana** | Bukan Domestik Voltan Sederhana Am<br>Bukan Domestik Voltan Sederhana ToU | -13.37 sen/kWj |

*Jadual 5: Kadar Insentif Mengikut Tahap Voltan*





05

# Pelarasan Kos Bahan Api



# 05

# Pelarasan Kos Bahan Api

*Automatic Fuel Adjustment* (AFA) adalah mekanisme automatik yang menentukan kos bahan api berdasarkan unjuran harga pasaran semasa. Ia menggantikan mekanisme Pelepasan Kos Tidak Berimbang (ICPT) yang digunakan sebelum ini.

Kadar AFA dalam unit sen/kWj adalah berdasarkan pengesahan rasmi Suruhanjaya Tenaga atau pemakluman rasmi melalui keputusan Kerajaan.





## Pelaksanaan mekanisme AFA merangkumi:

a) Kadar AFA akan berubah pada setiap bulan sekiranya terdapat perubahan pada harga pasaran bahan api dan pertukaran mata wang asing.

b) Caj AFA adalah tertakluk kepada semua kategori pengguna kecuali pengguna domestik dengan penggunaan elektrik 600 kWj dan ke bawah sebulan.

c) Kelulusan pelaksanaan AFA secara bulanan mengikut kadar pelarasan AFA adalah seperti berikut:

| Kelulusan | Kadar AFA |
| --- | --- |
| Pelarasan automatik | Peningkatan ≤ 10% daripada kos tenaga semasa |
| Kelulusan Kerajaan | Peningkatan > 10% daripada kos tenaga semasa |

*Jadual 6: Kelulusan Kadar Pelarasan AFA*



06

# Caj-caj Lain

# 06
# Caj-caj Lain







## 6.1 Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB)



KWTBB adalah merupakan dana yang dikutip oleh TNB bagi pihak Berkuasa Pembangunan Tenaga Lestari (*Sustainable Energy Development Authority*, SEDA) di bawah Kementerian Peralihan Tenaga Dan Transformasi Air (PETRA) untuk pembangunan tenaga lestari.

Semua pengguna tertakluk kepada caj KWTBB kecuali pengguna domestik dengan penggunaan 300 kWj dan ke bawah sebulan. Kadar caj KWTBB sebanyak 1.6% dikenakan ke atas jumlah penggunaan bulanan (kWj dan kW) dan tertakluk kepada perubahan daripada pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.



## 6.2 Cukai Perkhidmatan (*Service Tax*, ST)

Cukai perkhidmatan dikenakan ke atas perkhidmatan elektrik iaitu kepada semua pengguna domestik dengan penggunaan melebihi 600 kWj sebulan. Selain itu, cukai perkhidmatan juga dikenakan bagi bil yang tidak mencukupi tempoh 28 hari. Peratusan cukai perkhidmatan dikenakan ke atas jumlah bil bulanan dan kadar adalah tertakluk kepada perubahan daripada pihak Kerajaan dari semasa ke semasa.

## 6.3 Angkadar Kuasa



Angkadar kuasa adalah satu indeks yang digunakan untuk mengukur tahap kecekapan penggunaan elektrik selaras dengan keperluan Kanun Grid Malaysia dan Kanun Pembahagian Elektrik Malaysia. Pengguna hendaklah mencapai indeks angkadar kuasa minimum yang ditetapkan, iaitu 0.90 untuk pengguna pada tahap voltan tinggi dan 0.85 untuk pengguna tahap voltan yang lain. Pengguna domestik dan pengguna lampu jalan dikecualikan daripada surcaj angkadar kuasa.

Surcaj akan dikenakan apabila indeks angkadar kuasa pengguna tidak mencapai tahap minimum yang ditetapkan.

| Bilangan | Tahap Voltan | Indeks Angkadar Kuasa | Surcaj Angkadar Kuasa |
|---|---|---|---|
| 1 | Voltan Rendah & Voltan Sederhana | Kurang daripada 0.85 hingga 0.75 | Satu perpuluhan lima peratus (1.5%) daripada bil* bulan itu bagi tiap-tiap satu-per-seratus bahagian (0.01) kurang daripada 0.85 hingga 0.75 akan ditambah pada bil bulan itu |
| 2 | | Kurang daripada 0.75 | Selain daripada surcaj di bilangan (1) di atas, surcaj sebanyak tiga peratus (3%) daripada bil* bulan itu bagi tiap-tiap satu-per-seratus bahagian (0.01) kurang daripada 0.75 akan ditambah pada bil bulan itu |
| 3 | Voltan Tinggi | Kurang daripada 0.90 hingga 0.80 | Satu perpuluhan lima peratus (1.5%) daripada bil* bulan itu bagi tiap-tiap satu-per-seratus bahagian (0.01) kurang daripada 0.90 hingga 0.80 akan ditambah pada bil bulan itu |
| 4 | | Kurang daripada 0.80 | Selain daripada surcaj di bilangan (3) di atas, surcaj sebanyak tiga peratus (3%) daripada bil* bulan itu bagi tiap-tiap satu-per-seratus bahagian (0.01) kurang daripada 0.80 akan ditambah pada bil bulan itu |

*Jumlah bil tidak termasuk Caj Peruncitan.



## Bekalan Sementara 6.4

Bekalan elektrik yang disediakan bagi pepasangan atau infrastruktur berasaskan keperluan sementara, melibatkan infrastruktur jenis kekal mahupun tidak kekal.

Pengguna bekalan sementara akan dicaj dengan kadar tarif yang bersesuaian mengikut kategori pengguna dan tertakluk kepada surcaj 33% ke atas jumlah bil elektrik bulanan.



07

# Skim Tenaga Hijau





# 07

# Skim Tenaga Hijau

Malaysia komited untuk memperkukuh peralihan kepada tenaga bersih sebagai sebahagian daripada agenda kelestarian negara. Sejajar dengan sasaran mencapai pelepasan karbon sifar bersih menjelang 2050, pelbagai skim tenaga hijau telah diperkenalkan bagi menggalakkan penggunaan tenaga boleh baharu, meningkatkan kecekapan tenaga serta menyokong pembangunan teknologi hijau.

## 7.1 *Net Energy Metering* (NEM)

NEM membolehkan pengguna menjual balik lebihan tenaga solar yang dijana kepada grid dan mendapat kredit dalam bil elektrik. Kredit yang diterima pada bulan semasa adalah terhad kepada jumlah penggunaan tenaga daripada grid. Mekanisme offset lebihan tenaga solar sebagai kredit tenaga bagi pengguna NEM adalah seperti berikut:

### (a) NEM 1.0 dan *Malaysian Building Integrated PV* (MBIPV)

| Program | Caj Komponen | Tempoh *Offset* |
|---|---|---|
| MBIPV | • Tenaga<br>• Rangkaian<br>• Kapasiti | 5 tahun sehingga 31 Disember 2030 |
| NEM 1.0 | *Displaced Cost* | 10 tahun sehingga 31 Disember 2035 |

### (b) NEM 2.0

| Program | Caj Komponen | Tempoh *Offset* |
|---|---|---|
| Domestik & Voltan Rendah | • Tenaga<br>• Rangkaian<br>• Kapasiti | 10 tahun mulai tarikh mula tugas sistem solar PV yang dipasang. |
| Voltan Sederhana & Voltan Tinggi | • Tenaga<br>• ¼ Rangkaian*<br>• ¼ Kapasiti* | |

**berdasarkan nisbah eksport dan import tenaga*

### (c) NEM 3.0

| Program | Caj Komponen | Tempoh *Offset* |
|---|---|---|
| NEM Rakyat & NEM GoMEn (Voltan Rendah) | • Tenaga<br>• Rangkaian<br>• Kapasiti | 10 tahun mulai tarikh mula tugas sistem solar PV yang dipasang. |
| NEM GoMEn (Voltan Sederhana) | • Tenaga<br>• ¼ Rangkaian*<br>• ¼ Kapasiti* | |
| NEM NOVA | *Average System Marginal Price* | |

**berdasarkan nisbah eksport dan import tenaga*

Pemberian insentif atau rebat kepada pengguna NEM dan MBIPV yang layak akan diselaraskan dengan sewajarnya.

## 7.2

### *Accelerated Transition Action Programme* (ATAP) Suria

ATAP Suria membolehkan pengguna menjana dan menggunakan tenaga elektrik sendiri melalui panel solar yang dipasang. Sekiranya terdapat lebihan tenaga solar yang dijana, ia boleh disalur kepada grid dan pengguna akan menerima kredit dalam bil elektrik. Kredit yang diterima pada bulan semasa adalah terhad kepada jumlah penggunaan tenaga daripada grid atau *Maximum Allowable Quantity* (MAQ), yang mana lebih rendah. Mekanisme offset lebihan tenaga solar sebagai kredit tenaga bagi pengguna ATAP Suria adalah seperti berikut:

| Kategori | Caj Komponen | Tempoh *Offset* |
|---|---|---|
| Domestik | Tenaga | 10 tahun mulai tarikh mula tugas sistem solar PV yang dipasang |
| Bukan Domestik | *Average System Marginal Price* | |



## 7.3

### *Green Electricity Tariff* (GET)

GET ialah solusi berasaskan langganan untuk mendapatkan bekalan elektrik daripada sumber tenaga boleh baharu bersekali dengan Malaysia *Renewable Energy Certificate* (mREC). GET memberi pilihan kepada pelanggan yang ingin mengurangkan jejak karbon tanpa perlu memasang sistem solar.

Green Electricity Tariff

Pelanggan yang melanggan GET akan membayar tarif elektrik biasa bagi penggunaan bulanan, selain langganan GET yang mewakili premium tenaga hijau.

Pengecualian mekanisme pelarasan kos bahan api bagi tenaga hijau sebenar yang digunakan diberikan di bawah program GET dalam mana-mana tempoh yang boleh ditentukan oleh Kerajaan. Selain itu, caj KWTBB juga dikecualikan untuk bekalan elektrik hijau yang diperolehi oleh pengguna daripada program GET.

## 7.4

### *Corporate Renewable Energy Supply Scheme (CRESS)*

